

SOALAN NO.: 111

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH
KAWASAN : SANDAKAN

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan nyatakan secara terperinci mengikut fasa, kos, lokasi pembinaan dan jangkaan penyiapan projek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Bagi pelaksanaan Fasa 1 sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej telah memulakan kerja-kerja pembinaan seperti berikut:

- (a) Pakej dari Donggongon ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);
- (b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);
- (c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);
- (d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan

- (e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sebanyak RM 12.86 billion telah diluluskan untuk pelaksanaan projek ini bagi Fasa 1. Secara keseluruhan, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah telah dimulakan pada suku ketiga tahun 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2021.

Sekian, terima kasih.